

Fatwa Kebangsaan umum status ESQ hari ini

PUTRAJAYA 13 Julai – Jawatankuasa Muzakarah Fatwa Kebangsaan akan mengumumkan keputusan mengenai kedudukan ajaran dan fahaman yang dibawa oleh sebuah syarikat motivasi dan pembinaan karakter, ESQ Leadership Center Sdn. Bhd. (ESQ) esok.

Pengumuman itu dijadual dilakukan oleh Pengerusinya, Prof. Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) pada pukul 9.30 pagi.

Difahamkan jawatankuasa tersebut mengambil keputusan yang berlainan berbanding Wilayah Persekutuan yangewartakan fatwa tentang

penyelewengan ajaran dan fahaman ESQ yang diasaskan oleh Dr. Ary Ginanjar Agustian dari segi akidah dan syariah Islam.

Ini berikutan keraguan yang ditimbulkan dalam modul latihan ESQ dikatakan lebih bersifat zanni iaitu tidak menyentuh perkara asas dalam akidah, lebih bersifat khilaf dari segi sudut pandangan agama dan masih mempunyai ruang untuk diperbaiki.

Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Wan Zahidi Wan Teh yang diwartakan di bawah Seksyen 34(1), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutu-

an) 1993 itu menyebut kekurangan-nya 10 ciri dalam ajaran, pegangan dan fahaman dibawa oleh syarikat tersebut boleh merosakkan akidah dan syariah Islam.

Bagaimanapun fatwa yang diwartakan pada 17 Jun lalu itu hanya terhad bagi Wilayah Persekutuan manakala negeri-negeri lain tidak mengambil langkah sedemikian.

Susulan laporan akhbar mengenai fatwa tersebut minggu lalu, Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria dalam reaksinya pada 9 Julai lalu berkata, modul program motivasi anjuran ESQ tidak bertentangan dengan akidah dan syariat Islam.

Malah, menurut beliau, program tersebut juga tiada kena mengena dengan fahaman liberalisme atau pluralisme seperti didakwa.

Katanya, Persidangan Muzakarah Fatwa Kebangsaan melibatkan mufti-mufti seluruh negara yang bersidang sebanyak tiga kali dengan kali terakhir pada 16 Jun lalu mendapati ESQ tidak bertentangan dengan syariah dan tidak membawa unsur-unsur kesesatan kepada umat Islam.

ESQ yang ditubuhkan di Malaysia sejak 18 September 2006 sebagai sebuah syarikat yang menjalankan latihan modal insan menggunakan

Model Pembentukan Karakter, *The ESQ Way 165*.

Ia diasaskan oleh Ary Ginanjar iaitu penulis buku *ESQ Power* dan Pengasas ESQ Training. Bagaimanapun syarikat tersebut menubuhkan Panel Syariah dan Akidahnya mulai September 2009 yang pada waktu ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jakim sebelum ini, Datuk Mustafa Abdul Rahman.

Difahamkan setakat ini seramai lapan orang mufti turut menghadiri latihan yang dianjurkan oleh ESQ dengan setakat September tahun lalu terdapat lebih 47,000 alumni syarikat itu di negara ini.